

Pembangunan dan Perpaduan untuk Kesejahteraan

- 1) Faktor-faktor yang menjadi asas kepada penggubalan dasar dan strategi pembangunan ialah:
 - a) Kedudukan ekonomi yang terbuka;
 - b) Sistem ekonomi campuran;
 - c) Masyarakat berbilang kaum; dan
 - d) Kerajaan Persekutuan.
- 2) Bermatlamat membangunkan kawasan luar bandar dan mengurangkan kemiskinan di kalangan penduduk luar bandar.
- 3) Lembaga Pembangunan Industri Desa (Rural Industrial Development Authority, RIDA) dan Lembaga Kernajuan Tanah Persekutuan (Federal Land Development Authority, FELDA)
- 4) Penubuhan kementerian Penbagunan Negara dan Luar Bandar – membangunkan luar bandar

1) PEMBANGUNAN EKONOMI

- a) Dimulakan sejak belum merdeka oleh Kerajaan Perikatan
- b) Pada awalnya memberi tumpuan terhadap pembangunan kawasan luar bandar
- c) Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan untuk :
- d) membasmi kemiskinan
- e) menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum
- f) DEB dilaksanakan melalui rancangan Pembangunan Lima Tahun sehingga 1990.
- g) Selepas 1990, Dasar Pembangunan Nasional (DPN) diperkenalkan sehingga 2000.

2) RANCANGAN PEMBANGUNAN LIMA TAHUN

- a) **TAHAP PERTAMA:**
 - i) Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)
 - ii) Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)
 - iii) Rancangan Malaysia Pertama (1966- 1970)

3) Rancangan Malaya Pertama (1956-1960)

- i) Memberi penekanan dan perhatian serius terhadap sektor ekonomi, sosial dan awam.
 - ii) *Sektor ekonomi:*
 - iii) Mempergiatkan pembukaan tanah baru untuk pertanian
 - iv) Menggalakkan penanaman semula getah oleh pekebun kecil dan secara ladang
 - v) Mempelbagaikan hasil keluaran pertanian
 - vi) Memperluaskan perusahaan bijih timah
 - vii) *Sektor sosial:*
 - viii) Pelbagai perkhidmatan diberikan seperti kesihatan, pendidikan dan perhubungan
 - ix) *Sektor awam:*
 - x) Membina pelbagai infrastruktur seperti balai polis, kem tentera, pejabat pos, mahkamah dan rumah kakitangan kerajaan.
- b) **Agensi Terlibat:**
 - i) *Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)*
 - (1) bertujuan membangunkan dan memajukan masyarakat luar bandar,
 - (2) memberi pinjaman kepada pengusaha pertanian kecil, membantu
 - (3) pemasaran hasil pertanian dan menggalakkan penyertaan orang
 - (4) Melayu dalam sektor perniagaan.
 - ii) *Lembaga Kemajuan tanah Persekutuan (FELDA)-1956*
 - (1) bertujuan untuk meninggikan taraf hidup masyarakat luar bandar,
 - (2) meningkatkan hasil pertanian negara, membantu masyarakat Melayu
 - (3) dengan membuka tanah baru lengkap dengan kemudahan asas.
 - (4) Tumpuan kepada penanaman getah dan kelapa sawit.
 - iii) *3. Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar -1959*

- (1) untuk menyelaraskan dan menjayakan segala program pembangunan luar bandar.
 - iv) RIDA DAN FELDA diletakkan di bawah kementerian ini.
- c) Pencapaian:
- i) Pencapaian RM1 kurang memberangsangkan kerana :
 - ii) ancaman komunis semasa zaman Darurat yang menyebabkan sejumlah perbelanjaan negara dialihkan kepada keselamatan negara.
 - iii) Kejatuhan harga komoditi getah dan bijih timah di pasaran dunia
- 4) Rancangan Malaya Kedua (1961-1965)
- a) MATLAMAT:
- i) Masih menekankan pembangunan luar bandar
 - ii) Merapatkan jurang perbezaan pendapatan antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar
 - iii) Mengurangkan kadar kemiskinan
 - iv) Meningkatkan taraf hidup rakyat
- b) Langkah dan Strategi:
- i) Mempergiat pembukaan tanah di bawah FELDA
 - ii) Mempelbagaikan jenis tanaman untuk meningkatkan pengeluaran hasil pertanian negara
 - iii) Mengurangkan kebergantungan negara kepada getah dan bahan makanan import.
- c) Agensi:
- i) LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) -1965
 - ii) membantu petani mengatasi masalah pemasaran hasil pertanian dan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka
- d) Pencapaian:
- i) RM2 terus memberi tumpuan terhadap penyediaan struktur sosial seperti pelajaran, kesihatan dan perumahan kakitangan serta memperbanyak peluang pekerjaan.
 - ii) *Bilik Gerakan Negara* di Kuala Lumpur diwujudkan bagi menyelaraskan pembangunan peringkat negeri, daerah dan kampung.
 - iii) *Buku Merah* yang mengandungi program, pelaksanaan dan kaedah mengesan tahap pencapaian diperkenalkan
- 5) Rancangan Malaysia Pertama (1966- 1970)
- a) MATLAMAT:
- i) Memastikan semua program pembangunan memfokuskan kesejahteraan rakyat dan integrasi nasional sempena penubuhan Malaysia pada 1963
 - ii) Mempelbagaikan kegiatan ekonomi dalam sektor pertanian dan perindustrian
- b) Agensi:
- i) Mengadakan projek pembangunan seperti Tiga Segi Jengka, Johor Tenggara dan Pahang Tenggara
 - ii) Menubuhkan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) pada 1965 untuk membantu FELDA membangunkan ekonomi kawasan luar bandar
 - iii) Pada 1969, RIDA digantikan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA), Bank Bumiputera dan Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) ditubuhkan bagi menggalakkan penyertaan bumiputera dalam perusahaan dan perdagangan.

- iv) Pada 1969, Institusi Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) ditubuhkan untuk menjalankan penyelidikan dan
 - v) memperkenalkan teknologi bagi meningkatkan hasil keluaran pertanian, kecuali getah
 - vi) Untuk mewujudkan industri, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) ditubuhkan pada 1967 dan Lembaga Penasihat Tarif diwujudkan.
 - vii) Akta Pelaburan 1969 pula berfungsi untuk enggalakkan kemunculan industri baru. Peningkatan pertumbuhan ekonomi negara yang memberangsangkan semasa pelaksanaan RM1 terbantut apabila berlaku Persitiwa 13 MEI 1969.
- c) Kesimpulannya:
- i) Segala program pembangunan ekonomi belum dapat membendung masalah perpaduan kerana jurang perbezaan pendapatan antara kaum masih ketara.
 - ii) DEB telah diperkenalkan sebagai perancangan pembangunan negara jangka panjang yang bermatlamat untuk mencapai perpaduan dan kesejahteraan rakyat.
- 6) TAHAP KEDUA
(Rangka Rancangan Jangka Panjang 1 – 20 tahun berkaitan dengan DEB)
- a) Rancangan Malaysia Kedua (1971- 1975)
 - b) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)
 - c) Rancangan Malaysia keempat (1981-1985)
 - d) Rancangan Malaysia Kelima (1986- 1990)
- (RRJP2), 1991-2000 telah menjadi asas kepada pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional
- e) Rancangan Malaysia Keenam. (1991 1995)
 - f) Rancangan Malaysia Ketujuh (1996 2000)
- Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) yang telah digubal berdasarkan Dasar Wawasan Negara.
- g) Rancangan Malaysia Kelapan (2001 – 2005)
 - h) Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 -2010)
- 7) Rancangan Malaysia Kedua (1971- 1975)
- a) MATLAMAT:
 - i) Mengurangkan kemiskinan dengan cara menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan kepada semua kaum; dan
 - ii) Menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi-fungsi ekonomi.
 - iii) Menyelesaikan masalah ekonomi dan sosial antara kaum, kawasan dan wilayah.
 - iv) Tumpuan terhadap usaha membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dengan menambahkan pendapatan dan penyediaan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi serta menghapuskan identiti kaum mengikut fungsi ekonomi.
 - v) Program pembangunan kawasan luar bandar diteruskan.
 - b) Agensi:
 - i) Beberapa agensi di bawah Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah ditubuhkan untuk melaksanakan program pembangunan wilayah. KEJORA, DARA, JENGKA, KETENGAH, PERDA, KESEDAR

- ii) Agensi lain yang ditubuhkan bertujuan membantu golongan petani, menggalakkan perkembangan perusahaan dan perdagangan serta memajukan bandar.

8) Agensi	9) Fungsi
Lembaga Beras dan Padi Negara (LPN) 1971	Menstabilkan harga padi
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) 1971	Membangunkan dan memodenkan industri perikanan serta meningkatkan taraf hidup nelayan
Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) 1971	Membangunkan bandar
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah(1973)	Membantu pekebun kecil etah dari segi penyelidikan dan penanaman semula getah.
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) 1973	Membantu golongan petani melibatkan diri dalam kegiatan koperasi
Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) 1974	Memajukan sektor perindustrian dan perniagaan yang berkaitan dengan petroleum
Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri	Menggalakkan perindustrian dan perdagangan dengan menyediakan tapak perindustrian, perumahan, ruang pejabat dan kedai.

10) Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)

a) Matlamat:

- i) Membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum dengan menambah pendapatan dan peluang pekerjaan bagi merapatkan jurang ekonomi.
- ii) Meneruskan program pembangunan luar bandar di samping pembangunan pertanian dan perindustrian untuk meningkatkan produktiviti.
- iii) Membuka peluang pekerjaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

b) Agensi:

- i) Pembukaan tanah secara besar-besaran oleh Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) dan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR)
- ii) Tumpuan diberikan kepada penanaman getah dan kelapa sawit kerana keperluan eksport.
- iii) Agensi pembangunan wilayah diluaskan peranannya dalam sektor pembangunan industri dan pembangunan bandar baru.

11) Rancangan Malaysia keempat (1981-1985)

a) Matlamat:

- i) Meneruskan program pembangunan ekonomi dalam RM3 dengan memberi tumpuan kepada perkembangan perusahaan berat yang berasaskan pelaburan modal dan penggunaan teknologi tinggi serta keperluan tenaga kerja mahir. Untuk itu, Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) ditubuhkan pada akhir 1980.
- ii) Bagi menggiatkan perindustrian dan menggalakkan pelaburan modal asing, kawasan perusahaan baru seperti di Skudai Johor, Senawang (N.Sembilan), Bintulu (Sarawak), Likas dan Manggatal (Sabah) diwujudkan.
- iii) Memperkenalkan zon perdagangan bebas di Bayan Lepas Pulau Pinang dan Sungai Way Selangor

b) Agensi:

- i) Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) ditubuhkan bagi mengenalpasti, memulakan dan mengurus projek industri berat dengan cekap seperti yang dikendalikan oleh sektor swasta.
 - ii) Bagi menambahkan keberkesanan projek perindustrian, program Kajian Dasar Perindustrian Malaysia bagi mengenalpasti kelemahan dalam sektor struktur perindustrian negara, dan Pelan Induk Perindustrian pula menyediakan hala tuju pembangunan industri dan strategi pelaksanaannya telah dilancarkan.
 - iii) 3) Mengadakan Dasar Pensiwaan dan Dasar Pensiwaan Malaysia bertujua melibatkan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi negara dengan harapan akan dapat mengurangkan beban kewangan kerajaan.
 - iv) 4) Menubuhkan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Skim Amanah Saham Nasional (ASN) 19881 bagi menyeimbangkan pemilikan harta dan saham industri antara kaum bumiputera dengan kaum bukan bumiputera.
 - v) 5) Dasar Pertanian Negara (DPN) 1984 diadakan bagi memodenkan dan menggiatkan semula sektor pertanian secara bersepadu dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.
 - vi) 5. Dasar Pertanian Negara (DPN) 1984 diadakan bagi memodenkan dan menggiatkan semula sektor pertanian secara bersepadu dengan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan sokongan.
- c) Pencapaian:
- i) RM4 mencatatkan perkembangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.8% setahun. Pendapatan per kapita meningkat pada kadar 4.4% setahun menjadi RM4000 juta pada tahun 1985.

12) Rancangan Malaysia Kelima (1986- 1990)

- a) Matlamat:
- i) Penekanan utama adalah untuk meningkatkan sektor perindustrian dengan:
 - (1) melonggarkan hak milik syarikat dan perlesenan dalam
 - (2) sektor swasta.
 - ii) b) Syarikat pelaburan modal asing juga dilonggarkan bagi
 - (1) meningkatkan pelaburan sektor perindustrian
 - (2) berorientasikan eksport.
 - iii) 2) Meneruskan pembangunan luar bandar dengan penggunaan tanah secara lebih cekap.
 - iv) Menggalakkan industri desa seperti kraftangan dengan memberi kemudahan kredit dan intensif melalui Bank Pertanian Malaysia, Skim Pinjaman Khas Pertanian dan Amanah Ikhtiar Malaysia.
 - v) Memajukan sektor pelancongan. Peranannya dimainkan Perbadanan Pelancongan Malaysia. Contoh, Tahun melawat Malaysia 1990.
 - vi) Menekankan bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk meningkatkan kecekapan guna tenaga tempatan dan produktiviti negara.
- b) Pencapaian:
- i) Rancangan Lima Tahun telah memperlihatkan kemajuan terutamanya dalam tiga rancangan yang pertama.
 - ii) DEB berjaya merapatkan jurang antara kaum serta wilayah. Kadar kemiskinan menurun.
 - iii) Peningkatan berlaku dalam KDNK, pendapatan per kapita dan hak milik modal saham bumiputera walaupun pemilikan saham ini tidak mencapai sasaran 30%.

- iv) Hak milik modal saham kaum bukan bumiputera meningkat 2% melebihi sasaran 40% yang ditetapkan. Pemilikan hak milik modal kedua-dua golongan ini berjaya mengurangkan hak milik modal saham orang asing sebanyak 38.2%.
- v) DEB berjaya meningkatkan taraf kehidupan kaum Bumiputera dan mencapai matlamat membasmi kemiskinan, tetapi penyusunan semula guna tenaga perlu diperhebat lagi memandangkan orang Melayu masih kurang melibatkan diri dalam bidang perdagangan dan perniagaan.
- vi) DEB memberi manfaat kepada semua kaum .

13) Dasar Pertanian Negara (12 Januari 1984)

- a) Matlamat Penubuhan
 - i) Memaksimumkan pendapatan sektor pertanian supaya dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi negara.
 - ii) Memaksimumkan pendapatan pengusaha/pekebun kecil melalui peningkatan pengeluaran dan kadar kemiskinan akan dapat dikurangkan.
 - iii) Memajukan komoditi-komoditi utama yang berpotensi besar untuk dieksport.
- b) Strategi
 - i) Pembukaan tanah-tanah baharu yang akan dikendalikan oleh FELDA (Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan), pihak berkuasa pembangunan wilayah dan kerajaan-kerajaan negeri.
 - ii) Pembangunan insitu di mana kawasan-kawasan yang telah sedia diusahakan dengan pelbagai aktiviti pertanian, tetapi berdaya pengeluaran yang rendah. Usaha dijalankan untuk memulihkan kawasan berkenaan melalui projek Pembangunan Pertanian Bersepadu, Perbadanan Kemajuan Wilayah (MADA) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Kerubu (KADA).
 - iii) Penyediaan perkhidmatan sokongan pertanian seperti Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRI), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

14) Dasar Pensyarikatan Malaysia (25 Februari 1983)